

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

RUJUKAN : 9426

SOALAN:

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah permintaan pekerja asing oleh majikan sejak usaha memperketat kemasukan tenaga pekerja asing ke negara ini dilaksanakan. Adakah wajar kemasukan pekerja asing ini dalam menampung keperluan tenaga kerja.

JAWAPAN:

Pada 19 Februari 2016, Kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan pengambilan pekerja asing baharu sehingga Kerajaan berpuas hati dengan keperluan sebenar oleh pihak industri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari keluhan daripada pihak majikan serta maklum balas pihak industri yang terjejas dengan pembekuan ini. Sebagai langkah proaktif kerajaan bagi memastikan perkembangan ekonomi negara tidak terjejas, kerajaan telah bersetuju untuk meneliti dan mempertimbangkan permohonan pengambilan pekerja asing dalam sektor kritikal yang berintensifkan buruh iaitu sektor pembinaan, perladangan dan perkilangan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sehingga 16 November 2016, Kerajaan telah menerima sebanyak 3,422 permohonan daripada majikan yang melibatkan pengambilan pekerja asing seramai 188,190 orang. Daripada jumlah itu sebanyak 1,041 permohonan telah diluluskan yang melibatkan kelulusan pengambilan pekerja asing seramai 93,508 orang sahaja.